



19 JUL, 2024

Rampas rokok, arak RM579k

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



MOHD Asri (kanan) menunjukkan sebahagian rampasan rokok dan minuman keras dirampas dalam serbuan tiga lokasi berasingan di Telok Kalong, Kemaman pada sidang media di Wisma Kastam Kuantan.

Rampas rokok, arak RM579k

Kuantan: Empat individu termasuk seorang wanita ditahan menjual rokok dan minuman keras pelbagai jenis serta jenama tak bercukai dalam serbuan di tiga kedai runcit di Kawasan Perindustrian Teluk Kalung Kemaman, Terengganu pada 3 Julai lalu.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang Mohd Asri Seman berkata, penahanan itu hasil makluman orang awam berhubung kegiatan di kawasan perindustrian itu yang dijalankan serentak pada jam 11.30 pagi.

Menurutnya, hasil serbuan dan rampasan di tiga premis terbabit, sebanyak 310,512 batang rokok dan 4,932.92 liter minuman keras dipercayai dibawa masuk dari China dianggar

bernilai RM579,134.

"Siasatan awal mendapati, rokok dan minuman keras itu dijual kepada pekerja warga asing yang bekerja di kawasan perindustrian berkenaan dan rokok serta minuman keras itu

"Siasatan awal mendapati, rokok dan minuman keras itu dijual kepada pekerja warga asing yang bekerja di kawasan perindustrian berkenaan"

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang, Mohd Asri Seman

dipercayai dibawa masuk menggunakan laluan laut," katanya pada sidang media di Wisma Kastam Jalan Bank di sini, semalam.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 74(1)(c) Akta Eksais 1976.

Menurutnya, setakat ini pihaknya masih mengesan pemilik premis perniagaan itu untuk membantu siasatan.

"Dalam pada itu, JKDM meminta kerjasama orang awam bersama membantu menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan di talian bebas tol kastam 1-800-88-8855," katanya.

"JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat dirahsiakan," katanya.



19 JUL, 2024

Rampas rokok, arak RM579k

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuantan: Empat individu termasuk seorang wanita ditahan menjual rokok dan minuman keras pelbagai jenis serta jenama tak bercukai dalam serbuan di tiga kedai runcit di Kawasan Perindustrian Teluk Kalung Kemaman, Terengganu pada 3 Julai lalu. Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang Mohd Asri Seman berkata, penahanan itu hasil makluman orang awam berhubung kegiatan di kawasan perindustrian itu yang dijalankan serentak pada jam 11.30 pagi.